

Program Kolej Bersama Masyarakat III

Oleh: Nurhayati Nani



Peserta Program Kolej Bersama Masyarakat III

SABTU,13 APRIL – Jakmas AB telah mengadakan program Kolej Bersama Masyarakat III (PKBM III) pada 10 April hingga 13 April 2013 lalu di Kampung Lambidan, Kuala Penyu. Peserta yang terlibat ialah badan-badan kepimpinan Jakmas AB, Felo AB, dan juga beberapa orang pelajar dari kampung AB iaitu seramai 54 orang.

Program yang berlangsung selama tiga hari empat malam ini telah dirasmikan oleh Prof Mahmud, Pengarah Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) selaku wakil kepada Timbalan Naib Canselor UMS. Program ini adalah dibawah anjuran Jakmas AB dibawah Exco Akademik dan Kepimpinan dan objektif

program ini dilangsungkan adalah untuk menabur bakti kepada masyarakat dan menginspirasikan transformasi di samping melatih kepimpinan para pelajar agar lebih cekap dan berdedikasi.

Beberapa program yang dijalankan di kampung tersebut adalah seperti ceramah Motivasi dan Peluang Kerjaya kepada golongan belia,ceramah Keusahawanan Desa, program Karisma KPWKM 2013 : Karisma Keluarga (Program Bersama LPPKN), Ceramah Motivasi untuk Pelajar Sekolah (di SK Lambidan) dan beberapa lagi aktiviti riadah bersama penduduk kampung.

“Program ini mencapai objektif, banyak halangan dan kekangan untuk menjayakan

program ini.Tapi atas kerjasama semua pihak program dapat dijalankan dan berjalan dengan lancar” kata pengarah program PKBM III iaitu Mohammad Noor’ain Bin Wagen @ Mohd Noor.

Kemungkinan besar PKBM IV yang akan datang akan dibuat pada semester ini juga di Kampung Sebait, Sandakan kata Mohammad Noor’ain Bin Wagen @ Mohd Noor, pelajar tahun 1, dari Sekolah Psikologi Kerja Sosial (SPKS).